

Perlaksanaan Temuduga Dalam Talian Bagi Calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) UTM

Asha Hasnimy Mohd Hashim, Halijah Ibrahim, Nurlita Hassan & Norhila Mohd Zait

Sekolah Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

asha@utm.my, p-halija@utm.my, noorlitahassan@utm.my, norhila@utm.my

ABSTRAK

Pengenalan- Pandemik COVID-19 telah menyebabkan perubahan kepada norma baru dalam kehidupan harian. Ini termasuklah dalam pemilihan calon pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Perlaksanaan temuduga secara bersemuka bagi calon pelajar adalah menjadi prosedur utama yang dipraktikkan oleh Sekolah Pendidikan sejak awal penubuhannya lagi (dahulu dikenali sebagai Fakulti Pendidikan, UTM) dalam pengambilan pelajar baru. Namun disebabkan oleh pandemik COVID-19, Standard Operasi Prosedur (SOP) yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu dipatuhi dalam mengekang penularan virus COVID-19. Sehubungan itu cabaran utama yang perlu dilakukan adalah merancang dan melaksanakan temuduga yang praktikal dalam situasi yang dinamik dan selamat.

Objektif – Kertas kerja ini mendokumentasikan perancangan dan pelaksanaan temuduga dalam talian bagi calon pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan bagi ambilan semester 1 sesi 2020/2021. Ia juga akan membincangkan cabaran dan refleksi secara menyeluruh persepsi calon pelajar, penemuduga dan urusetia teknikal dalam pengendalian temuduga dalam talian tersebut.

Methodologi – Kajian ini merupakan pelaporan perancangan dan pelaksanaan temuduga dalam talian bagi calon pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan bagi ambilan semester 1 sesi 2020/2021. Ia meliputi perancangan sebelum, semasa dan selepas temuduga dijalankan. Ia juga akan membincangkan cabaran dan refleksi secara menyeluruh mengenai pelaksanaan temuduga dalam talian dalam proses pemilihan calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia melalui soal selidik yang dikemukakan selepas tamat sesi temubual yang dilaksanakan. Data-data yang diperolehi melalui soal selidik tersebut dianalisa dan dapatan min purata diambil untuk menggambarkan hasil keseluruhan dapatan.

Dapatan – Hasil dapatan secara keseluruhannya menunjukkan majoriti calon, penemuduga dan urusetia teknikal sangat bersetuju dengan perancangan dan pelaksanaan temuduga dalam talian yang dilaksanakan. Walaubagaimanapun beberapa penambahbaikan boleh

dibuat untuk meningkatkan lagi proses dan kualiti temuduga dalam talian pada masa hadapan.

Kepentingan – Dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada organisasi / institusi yang menjadikan temuduga sebagai salah satu standard operasi prosedur (SOP) dalam pengambilan pelajar. Pelaksanaan temuduga dalam talian secara *synchronous* dapat dijalankan dengan lebih efisien sekiranya beberapa perkara diambilkira seperti yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini.

Kata Kunci: norma baru, pelajar pendidikan, standard operasi prosedur (SOP), temuduga dalam

Pengenalan

COVID-19 telah menyebabkan perubahan yang banyak dan cabaran kepada institusi pendidikan di seluruh dunia. Tanpa mengetahui bila keadaan akan pulih seperti sediakala, pelaksanaan pengambilan pelajar baru terutamanya calon pelajar program pendidikan perlu dilaksanakan. Bermula dari 6 Julai hingga 9 Julai 2020 yang lalu, Sekolah Pendidikan (SP) telah melaksanakan temuduga bagi pengambilan pelajar bagi program pendidikan mengikut norma baharu.

Artikel ini akan membincangkan perancangan dan pelaksanaan temuduga dalam talian bagi calon pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan bagi ambilan semester 1 sesi 2020/2021. Ia meliputi perancangan sebelum, semasa dan selepas temuduga dijalankan. Ia juga akan membincangkan cabaran dan refleksi secara menyeluruh mengenai pelaksanaan temuduga dalam talian dalam proses pemilihan calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di Sekolah Pendidikan (SP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Tujuan pelaksanaan temuduga adalah untuk memilih calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dari kumpulan calon yang besar. Memilih calon yang paling sesuai adalah satu perkara yang amat sukar sekiranya menilai hanya berdasarkan kepada keputusan akademik mahupun melalui ujian kecenderungan profesion. Calon-calon ini perlu dinilai melalui temuduga bagi mencari kriteria-kriteria seorang guru yang merangkumi atribut individu, personaliti, kesungguhan, kepercayaan dalam pendidikan (Klassen & Kim, 2019).

Walaupun terdapat pelbagai cara untuk memilih calon pelajar seperti yang dicadangkan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu seperti rakaman video, temuduga bersemuka, ujian kelayakan dan sebagainya (Cleland et al., 2020; Klassen & Kim, 2019; Mankki, Mäkinen, & Rähä, 2020; Tsolakis & Vagenas, 2010), pihak Sekolah Pendidikan, FSSK, UTM telah memilih untuk menemuduga dalam talian secara *synchronous*. Ini kerana walaupun temuduga bersemuka merupakan yang terbaik, tetapi disebabkan oleh pandemik COVID-19 pendekatan alternatif perlu diambilkira. Kajian juga telah menunjukkan temuduga dalam talian secara *synchronous* tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dari aspek

kedalaman penggunaan perkataan semasa temuduga dan ia membolehkan menyerlahkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh seorang penemuduga berbanding dengan temuduga bersemuka (Johnson, Scheitle, & Ecklund, 2019).

Methodologi

Satu Jawatankuasa Taskforce temuduga dalam talian Sekolah Pendidikan (SP) telah dibentuk untuk merancang pelaksanaan temuduga dalam talian dengan mengambilkira tarikh-tarikh yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pengambilan Pelajar Universiti (SRAD). Langkah pertama yang telah diambil oleh SP dalam melaksanakan temuduga dalam talian ini adalah dengan membentuk manual atau *Standard Operation Procedure* kepada urusetia, panel penemuduga dan calon.


Calon pelajar (487 orang) perlu menyemak keputusan temuduga melalui email dan laman web yang telah dibangunkan oleh taskforce SP. Melalui laman web ini, calon pelajar diberi panduan untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan serta diberi panduan cara pelaksanaan temuduga dalam talian (secara bertulis dan video). Calon pelajar juga diberi pautan percubaan untuk mengenalpasti keupayaan peranti dan capaian internet semasa temuduga dalam talian nanti. mengambil masa yang agak singkat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Bagi urusetia (24 orang) dan panel penemuduga (46 orang), manual secara elektronik dan cetakan juga telah diserahkan sebagai panduan untuk memastikan kelancaran proses temuduga dalam talian. Laman web juga telah dibangunkan untuk membantu urusetia dan juga penemuduga mengumpul maklumat calon-calon, permarkahan temuduga dan ujian rabun warna. Sebelum sesi temuduga berlangsung, satu taklimat secara dalam talian telah dilaksanakan dan pautan video juga telah diberikan sebagai panduan. Pihak urusetia juga telah membuat simulasi temuduga bagi mengenalpasti permasalahan teknikal yang mungkin berlaku pada hari kejadian.

Pada hari kejadian, urusetia dan penemuduga hadir ke bilik temuduga masing-masing bagi memulakan sesi temuduga dalam talian dan mereka menjaga jarak sekurang kurangnya 1 meter antara satu sama lain. Manakala calon memulakan temuduga di rumah masing-masing. Proses temuduga dimulakan dengan pengesahan diri calon oleh urusetia utama dan kemudiannya disalurkan ke bilik temuduga masing-masing mengikut bidang pengkhususan yang dipilih. Semasa di pautan bilik temuduga masing-masing, proses temuduga dikendalikan oleh panel temuduga diikuti *mock teaching* oleh calon temuduga dan ujian rabun warna. Setelah selesai ujian rabun warna, calon pelajar dikehendaki mengisi borang maklumbalas berkaitan pelaksanaan temuduga. Manakala penemuduga dan urusetia mengisi markah di laman web yang disediakan. Setelah selesai sesi temuduga, para panel penemuduga dan urusetia juga dikehendaki mengisi borang maklumbalas (Mohd Hashim & Ibrahim, 2020).


Dapatan

Berdasarkan dapatan maklumbalas yang diberi, hanya 377 orang dari 487 calon pelajar menjawab. Hasil analisis mendapati (Rajah 1.0) majoriti calon pelajar bersetuju dengan cara pelaksanaan temuduga dalam talian dengan min purata antara 4.60 – 4.92. Perkara yang perlu diambil perhatian dalam pelaksanaan temuduga dalam talian ini adalah penggunaan platform yang lebih sesuai/ *familiar* dengan calon. Ini kerana kebanyakan calon tidak biasa menggunakan platform Webex. Berkemungkinan penggunaan platform lain semasa temuduga dalam talian yang mudah dan ringan (penggunaan data) dapat mengurangkan kebimbangan calon pelajar semasa sesi temuduga.




Melalui maklumbalas dari panel penemuduga, hampir keseluruhan panel penemuduga bersetuju dengan pelaksanaan temuduga dalam talian dengan min purata antara 4.16 hingga 4.73. Apa yang menjadi kerisauan panel temuduga adalah *back-up plan* atau pelan tambahan ketika berlangsungnya temuduga. Ini kerana ketika temuduga berlaku ada ketikanya terdapat gangguan capaian internet dan sambungan terhadap platform yang digunakan oleh calon pelajar. Ini telah mengganggu rentak temuduga yang berlangsung. Sehubungan itu, mereka mencadangkan beberapa alternatif untuk membantu sekiranya terdapat gangguan semasa sesi temuduga berlangsung.

Rajah 2.0: Maklumbalas Panel Penemuduga (n=45)



Bagi urusetia dan teknikal, mereka sangat bersetuju dengan pelaksanaan temuduga dalam talian ini dengan mengambil kira beberapa aspek yang lain seperti peralatan dan platform yang digunakan.

Rajah 3.0: Maklumbalas Urusetia (n=13)



Perbincangan

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan temuduga dalam talian secara *synchronous* bagi memilih calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dari kumpulan calon yang besar di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM. Sekolah Pendidikan telah melaksanakan temuduga secara bersemuka sejak awal penubuhannya pada tahun 1997 dan ini merupakan kali pertama pelaksanaan dalam talian yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan temuduga dalam talian secara *synchronous* telah memberi satu kesan yang positif kepada calon pelajar, penemuduga dan urusetia. Kesemuanya bersetuju dengan pelaksanaan temuduga ini kerana berlaku interaksi secara terus (Dahlstrom-Hakki, Alstad, & Banerjee, 2020) dan ciri-ciri calon pelajar yang sesuai

dapat dinilai oleh penemuduga (Mankki et al., 2020). Kesungguhan dan keupayaan calon pelajar dapat dilihat secara menyeluruh walaupun melalui dalam talian (Johnson et al., 2019).

Namun begitu, urusetia mahupun calon pelajar perlu bersedia dengan strategi atau peralatan (*tools*) yang sesuai dalam pelaksanaan temuduga dalam talian ini terutamanya dari aspek capaian internet, dan *familiarity* dengan platform *videoconferencing* yang digunakan. Pelaksanaan temuduga dalam talian ini mampu menjimatkan kos namun begitu, kos lain perlu diambilkira termasuklah dari aspek teknikal (peralatan yang digunakan) dan *internet bandwidth*. Namun ini tidaklah melibatkan kos yang sangat tinggi berbanding dengan temuduga secara bersemuka. (Yolanda, Wisnu, Wahjudi, & Findyartini, 2020).

Perlaksanaan temuduga dalam talian ini pada masa hadapan bergantung kepada berberapa faktor. Ini kerana dalam memilih calon pelajar yang sesuai, kebatasan temuduga dalam talian perlu diambilkira. Ini termasuklah mengambilkira penilaian gestur non-verbal tolenrasi stress dalam persekitaran yang baru. Persediaan yang terhad terutamanya akses dan kualiti internet, isu teknikal disebabkan masalah *network* akan mengurangkan kelebihan temuduga dalam talian.

Artikel ini tidak membincangkan secara terperinci berkaitan dengan kualiti pemilihan calon. Ia hanya menjelaskan prosedur secara umum temuduga dalam talian dan bagaimana penerimaan calon, penemuduga dan urusetia dalam pelaksanaannya. Sehubungan itu, kajian selanjutnya perlu mengambilkira dari aspek kualiti pemilihan calon melalui gestur non-verbal yang mungkin akan menampilkan ciri-ciri calon pelajar yang lebih baik.

Walaupun terdapat cabaran dan keterbatasan dalam melaksanakan temuduga dalam talian, Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia telah berjaya melaksanakan temuduga dalam talian yang pertama dan mengekalkan kualiti calon pelajar yang dikehendaki mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Penutup

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan temuduga dalam talian secara *synchronous* dapat dijalankan dengan berkesan sekiranya perancangan secara teliti dan faktor-faktor kemungkinan yang bakal berlaku diambilkira. Ini termasuklah permasalahan capaian internet dan peranti yang mungkin akan mengganggu proses temuduga dalam talian. Sehubungan itu, perlu perancangan tambahan untuk membantu melancarkan proses temuduga tersebut. Melalui pelaksanaan temuduga dalam talian ini juga, ia bukan sahaja mampu mempercepatkan proses temuduga, malah ia dapat menyumbang kepada kelestarian yang berterusan seperti menjimatkan kos keseluruhan temuduga oleh institusi dan calon pelajar juga. Pengumpulan maklumat yang diperlukan juga mudah dan efisien dengan bantuan dan standard prosedur operasi yang ditetapkan oleh pihak urusetia.

Perakuan

Terima kasih kepada Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia yang menaja Perlaksanaan Temuduga Dalam Talian bagi Calon Pelajar ISMP UTM dan penyertaan di dalam seminar ini.

Rujukan

- Cleland, J., Chu, J., Lim, S., Low, J., Low-Ber, N., & Kwek, T. K. (2020). COVID 19: Designing and conducting an online mini-multiple interview (MMI) in a dynamic landscape. *Medical Teacher*, *42*(7), 1–5. doi:10.1080/0142159X.2020.1762851
- Dahlstrom-Hakki, I., Alstad, Z., & Banerjee, M. (2020). Comparing synchronous and asynchronous online discussions for students with disabilities: The impact of social presence. *Computers and Education*, *150*(February), 103842. doi:10.1016/j.compedu.2020.103842
- Johnson, D. R., Scheitle, C. P., & Ecklund, E. H. (2019). Beyond the In-Person Interview? How Interview Quality Varies Across In-person, Telephone, and Skype Interviews. *Social Science Computer Review*, *11*, 80–96. doi:https://doi.org/10.1177/0894439319893612
- Klassen, R. M., & Kim, L. E. (2019). Selecting teachers and prospective teachers: A meta-analysis. *Educational Research Review*, *26*(December 2018), 32–51. doi:10.1016/j.edurev.2018.12.003
- Mankki, V., Mäkinen, M., & Rähä, P. (2020). Teacher educators' predictability and student selection paradigms in entrance examinations for the Finnish Primary School Teacher Education programme. *European Journal of Teacher Education*, *43*(2), 151–164. doi:10.1080/02619768.2019.1672653
- Mohd Hashim, A. H., & Ibrahim, H. (2020, July 17). Fisrt Online Interview For Undergraduate Candidates by School of Education UTM. *UTM Newshub*, pp. 1–5. Skudai, Johor.
- Tsolakis, C., & Vagenas, G. (2010). Anthropometric, Physiological and Performance Characteristics of Elite and Sub-elite Fencers. *Journal of Human Kinetics*, *23*(-1), 89–95. doi:10.2478/v10078-010-0011-8
- Yolanda, S., Wisnu, W., Wahjudi, J. M., & Findyartini, A. (2020). Adaptation of internet-based multiple mini-interviews in a limited-resource medical school during the coronavirus disease 2019 pandemic. *Korean Journal of Medical Education*, *10*, 1–9.